

BAB TUJUH

PENUTUP

Dengan melihat kepada gambaran di atas, ternyata bahawa persempadanan bagi kerajaan Melayu itu terbuka dan kadang-kadang berlapis. Ini mengikutlah kuat lemahnya sesebuah kerajaan itu berbanding dengan jirannya. Nilai-nilai tradisi ini telah berubah setelah kedatangan Inggeris sebagai kuasa penjajah barat. Mereka telah menggantikan kawasan yang anjal itu kepada satu tempat yang kekal. Maka hilanglah nilai tradisi yang sering mengikut perhubungan antara kerajaan-kerajaan Melayu. Tidak lagi berlaku sempadan itu berkembang atau mengecil mengikut turun naiknya sesebuah kerajaan. Semua ini dapat dilihat dari perbincangan yang bermula dengan memperkenalkan kerajaan Melayu tradisional bersama sistem politik, ekonomi dan sosialnya.

Asas perkembangan wilayah British ialah penguasaan perdagangan. Mereka mahu menguasai kawasan pengeluaran hasil makanan dan bahan mentah di sini demi "survival" perdagangan mereka. Mereka berusaha memonopoli hasil pertanian dan sumber di sini supaya tidak jauh kepada kuasa lain demi perkembangan aktiviti pertukaran barang dengan negeri China dan Eropah. Dengan sebab itu, kawasan tuntutan mereka ialah kawasan yang mempunyai potensi hasil yang tinggi. Oleh kerana kebanyakan hasil pertanian

dan hasil mahsul lain terdapat di persekitaran sungai dan anak-anak sungai, maka penguasaan ke atas sungai dan laluannya mendapat perhatian dan keutamaan. Penguasaan batang sungai bererti menguasai hasil, guna tenaga dan laluan. Ini kerana ramai penduduk membuat penempatan di tepi sungai dan anak-anaknya, di samping berfungsi sebagai laluan utama ke hulu hilir ataupun ke pedalaman. Pengawalan dan penguasaan kuala sungai merupakan strategi penting.

Bermula dengan menduduki pulau; iaitu Pulau Pinang, (dan kemudiannya Singapura, dalam kontek ini tumpuan di sekitar Pulau Pinang), mereka berhasrat untuk mengawal kuala-kuala sungai utama di Kedah dan Perak. Atas alasan lanun dan tindakan Tunku Long Puteh mengawal Kuala Perai, menyebabkan Kapten Francis Light memerangi Kedah. Peristiwa ini menyedarkan mereka bahawa, kuala-kuala sungai tidak mampu dikawal dari pulau semata-mata. Maka berkembanglah penguasaan Inggeris ke Province Wellesley dengan mengambil tebing kanan (arah mudik) Sungai Muda sehingga ke tebing kiri Sungai Kerian pada arah yang sama. Apabila Yang Di Pertuan Muda Perlis dan Kedah bertindak mengawal muara Kuala Sungai Muda dan kemudiannya Sultan Ahmad Tajuddin bertindak sama, menyebabkan British kembali membuat strategi untuk meguasai sungai dan kualanya sekali. Usaha terus dilakukan untuk mendapatkan kawasan utara Sungai Muda sampai ke Sungai Merbuk, tetapi gagal sehinggalah kejatuhan Kedah.

Penjajahan Siam memberi harapan baru kepada British. Usaha berbaik-baik kerana kepentingan perdagangan dijalankan dengan Siam. Atas kepentingan berperang dengan Burma dan tidak mahu berjiran dengan Peranchis secara terus, Siam dijadikan sahabat dan negeri Melayu dijadikan bahan sandaran atau tukaran. Perluasan mereka bertambah di kawasan Kedah dengan pengembangan banyak lagi kawasan di Province Wellesley.

Kejayaan Perjanjian 1831, sekurang-kurangnya telah menambahkan keluasan Province Wellesley untuk kawasan pertanian padi di sebelah utara dan tanaman lain di sebelah selatan. Begitu juga dengan hasil lain yang terdapat di kawasan ini. Disebabkan perjanjian ini dibuat tergesa-gesa dan mengambil kesempatan dari peristiwa "membalas budi", pihak British ternyata tidak berpuas hati dan terus menerus tidak berpuas hati pada setiap kali mengadakan perjanjian. Sifat tidak puas hati dan keperluan memperluaskan penguasaan perdagangan mendorong kepada termaktubnya perjanjian-perjanjian seterusnya.

Usaha membesar kan kawasan Province Wellesley berterusan. Alasan mereka sama sahaja iaitu membetulkan sempadan. Bagaimanapun Sultan Kedah berupaya mempertahankan wilayahnya kerana kawasan pedalaman dari Province Wellesley ramai penduduknya dan banyak pula kedapatan hasil galian bijih timah seperti di Hulu Perak, Kulim, Bagan Samak (Bandar Baru) dan kawasan Serdang-Selama. Namun pihak British tidak pernah berputus asa.

Gabenor di Singapura bertukar ganti, sehingga kedatangan Kolonel Harry Ord yang dilantik oleh Pejabat Tanah Jajahan. Beliau telah berjaya mendapatkan persetujuan Sultan Kedah untuk membetulkan sempadan dengan menerima dan memulangkan "ekar ke ekar", kawasan antara Province Wellesley dengan Kedah. Persetujuan ini berjaya membawa pendapatan yang lumayan kepada Sultan Kedah apabila wang saguhati yang digantung, dibayar semula. Namun kemudiannya, hasrat British tidak tercapai apabila Sultan enggan menandatangani perjanjian sebenarnya. Pertama kali British terperangkap dan terpedaya setelah ia sering memerangkap dan memperdaya Raja-Raja Melayu dengan janji-janji manis mereka. Walau bagaimanapun, atas usaha British, Sultan Kedah akhirnya akur dengan tekanan British dan Siam apabila kes ini dibawa dan dikendalikan oleh pihak di London dan di Bangkok.

Strategi mereka untuk mengawal perdagangan di Pulau Pinang, mengawal kuala-kuala dan sungai, mendapatkan kawasan pertanian, hasil mahsul lain dan juga gunatenaga semakin terserlah apabila Perjanjian Pangkor dimeterikan. Kawasan Kerian di bahagian selatan yang menjadi idaman sejak tahun 1842 dan Pulau Pangkor/Dinding yang gagal diduduki sejak tahun 1826 telah dapat diambil. Kawasan-kawasan ini sememangnya mempunyai apa yang mereka kehendaki. Semasa mengambil Pulau Pangkor dan Pulau Dinding, mereka telah berjaya mendapat kawasan pulau dan menguasai dua kuala sungai iaitu Sungai Beruas dan Dinding yang menjadi nadi perhubungan di

kawasan ini dan juga pedalaman sebahagian Hulu Perak yang terkenal dengan hasil mahsulnya. Meskipun belum diduduki, sekurang-kurangnya kawasan ini berada dalam perhatian atau kawalan mereka. Lebih-lebih lagi dalam usaha membentras lanun yang menjadikan pulau dan perairan tersebut sebagai sarang dan kawasan operasi mereka.

Bagi Perak yang "terpegun" dengan Perjanjian Pangkor, tidak dapat berbuat apa-apa kerana termakan budi dan merupakan sebahagian dari syarat kepada huluran tangan persahabatan. Raja Muda Abdullah dapat menjadi Sultan dan pembesar lain dapat mengekalkan kuasa. Kehilangan kawasan ini hanya disedari lama kemudian setelah Gabenor Sir William Jervois memasukkan pula kawasan Selama ke dalam pentadbiran Province Wellesley. Ternyata British berbuat demikian demi menguasai hasil mahsul, penduduk dan laluan di kawasan berkenaan. Mereka sedar bahawa Sungai Kerian sudah berada dalam tangan sebaik-baik kuala dan bahagian hilirnya termasuk ke dalam wilayah Province Wellesley.

Rancangan British selanjutnya melalui laluan yang sukar apabila bertembung dengan Inggeris-Siam ingin berkembang ke utara ,Siam pula berkembang ke selatan. Mereka bukan sahaja mencari pengaruh, tetapi yang penting lagi ialah hasil mahsul, hasil pertanian, guna tenaga dan laluan di sini. Setiap kali memenangi perang, ramai tawanan dapat dijadikan hamba, hasil pertanian dan hasil mahsul lain dapat dikawal dan laluan utara selatan serta

timur barat dapat dikuasai. Dengan ini pelabuhan Singgora, Ligor dan Bangkok dapat beroperasi di pantai timur dan Pulau Ujong Salang serta Ranong berfungsi di pantai barat. Penghubung antara pantai barat dengan pantai timur ialah laluan darat.

Pertembungan ini telah melambatkan pergerakan British. Untuk mendapatkan semula kawasan Hulu Perak-Reman, terpaksa memakan masa selama 17 tahun dengan dua kali perundingan. Namun apa yang kedapatan tidak seberapa dan kehilangan pula kawasan lain iaitu Kelantan dan Terengganu. Inilah kegagalan pusingan pertama. Namun usaha tidak pernah berhenti, British berjaya mengadakan perjanjian tahun 1902 yang secara langsung membolehkan mereka berperanan di kedua negeri tersebut. Kegagalan kali kedua pada Perjanjian tahun 1909. Perjanjian ini tidak mencapai hasrat untuk berkuasa sepenuhnya di wilayah Kelatan, Perak, Kedah dan Perlis.

Kajian ini telah memperlihatkan perihal kelemahan pihak British dan kebijaksanaan pihak Siam dalam menangani masalah pensempadanan. Selaku pihak yang mahu menuntut, sikap mengalah, lemah dan mengikut telunjuk pihak lawan tidak seharusnya ada pada British. Selaku pihak yang mempertahankan hak, Siam memuslihatkan kelebihan dari kelemahan British. Jika tidak kerana faktor Peranchis yang di geruni oleh Siam, tentu mereka akan lebih tegas lagi. Satu lagi kelebihan pihak Siam ialah keupayaan Raja Chulalongkorn menyesuaikan dasar Siam dengan keadaan semasa dan suasana

politik persekitarannya. Hampir semua perundingan sempadan diuruskendalikan dalam tempoh pemerintahannya. Kewibawaan dan kebijaksanaan baginda telah menyelamatkan wilayahnya di Segenting Kra dari jatuh ke tangan British sepenuhnya. Baginda dengan tegasnya menyatakan:

".....I am most certain that as long as I breathe I will not see Siam without her independence...".

Apa yang terlepas hanyalah kawasan pengaruhnya yang menjadi "duri dalam daging" kepada pemerintahan Siam sahaja sebagaimana kenyataan dalam suratnya kepada Devawongse pada 24 November 1900 iaitu selepas Perjanjian 1899:

".....I cannot help expressing how pleased I am that the question has now been settled. As I regard the territories, though the British are the sole gainer, it is better to end up the matter. An open wound has now been healed".

Kelemahan ketara pihak British ialah lebih mengutamakan kepentingan Siam dari kepentingannya di negeri Melayu. Walaupun pihak di Pulau Pinang dan Singapura mahu menyelamatkan penguasaan dan pengaruh mereka di negeri Melayu dari jatuh ke tangan Siam, namun begitu pihak di India dan kemudiannya di London dan Bangkok tetap mempertahankan kebenaran dan hak Siam di negeri Melayu. Kesannya, usaha pihak di Singapura tertakluk kepada diplomasi "telunjuk lurus kelingking berkait" hubungan luar Bangkok-London. Mereka hanya mencapai apa yang dirundingi oleh wakil mereka di Bangkok dan direstui oleh London sahaja. Namun pada

keseluruhannya, apa yang mereka perolehi di sini adalah pengorbanan dari negeri Melayu yang terpaksa menggadai wilayah, wang ringgit dan juga kebebasan demi menghormati janji dan persahabatan yang menjadi alat "menggunting kedaulatan dari dalam lipatan sendiri" serta mendokong cita cita penjajah mereka iaitu British atas alasan menyelamatkan negeri Melayu dari penjajahan Siam.

Perjanjian pada 10 Mac 1909 yang menghendaki pengukuran dan penandaan sempadan dibuat selepas enam bulan, selesai dilaksanakan pada 13 Disember 1913. Dengan siapnya laporan kerja ini, maka rasmilah pembahagian sempadan antara Kerajaan Siam dengan Jajahan British di Semenanjung Melayu. Terbahagilah orang Melayu kepada pemerintah Siam dan taklukan British. Secara langsung atau tidak, terpisahlah dua petempatan di seberang sempadan termasuk harta benda, yang sebelum ini tidak pernah mereka terfikir. Sebelum ini Melayu Segenting Kra bebas bergerak antara satu tempat (negeri) dengan mengekalkan identiti tempatan mereka sebagai Orang Perak, Orang Kedah, Patani atau pun Setol ke mana-mana sahaja mereka pergi di Semenanjung. Pembahagian sempadan telah membataskan pergerakan mereka kerana ia telah melibatkan status kerakyatan dan kewarganegaraan. Mereka adalah rakyat Siam atau British Malaya.

Perpisahan ini juga melibatkan hal-hal kehidupan sosial sehari-hari. Dari sudut perhubungan persaudaraan, kita mendapati perjanjian ini

sebagai memisahkan. Tetapi untuk satu ketetapan hak, perjanjian ini memberikan satu pandangan baru tentang kehidupan yang lebih bersistem dan praktikal. Dengan adanya ketentuan hak dalam menentukan siapa punya atau kepada siapa yang lebih berhak, persempadanan ini telah dapat menyelesaikan persoalan perundungan (peraturan). Undang-undang bagi menangkap orang salah (fugitive) dapat dilaksanakan. Cukai import-eksport dapat dikuatkuasakan. Penggunaan pasport atau sekurang-kurangnya pas sempadan dapat dijalankan. Hal yang lebih penting lagi ialah pentadbiran ke atas tanah di sepanjang sempadan telah dapat dikenalpasti untuk percuaian ataupun keperluan pembangunan. Semuanya ini hanya impian sahaja jika sebelum ada sempadan sedemikian. Pihak pesalah boleh melarikan diri ke seberang sempadan dan berlindung di sana. Cukai impot-ekspot tidak dapat dikutip dengan sempurna kerana terlalu banyak pintu masuk yang tidak sah. Begitu juga cukai tanah tidak dapat dipungut kerana ketidakpastian kedudukannya. Meskipun perihal keadaan ini lebih kepada teori dan harapan, namun sekurang kurangnya sudah ada sistem yang lebih baik dari dahulu.

Perhubungan melalui jalan darat telah diluaskan penggunaannya. Jalan raya dan jalan keretapi telah dikembangkan mengikut jalur kawasan hasil mahsul utama iaitu galian bijih timah ataupun emas. Untuk sampai ke tempat ini, pembukaan tanah untuk projek pertanian dan penempatan dilaksanakan. Dengan itu jalan raya dan jalan keretapi telah menyaangi laluan sungai.

Pembangunan dan penempatan telah berpindah ke kawasan pedalaman yang berhasil tidak semata-mata di tepi sungai sahaja. Perhubungan telekomunikasi juga dapat diperluaskan sama. Apa yang lebih menarik, jalan perhubungan dan telekomunikasi ini telah menjurus kepada pelabuhan pelabuhan utama, iaitu Pulau Pinang, Singapura dan Bangkok.

Pusat-pusat hasil zaman tradisional telah menjadi bandar baru apabila jalan laluan dan pengangkutan sampai ke sini. Bukan lagi hasil-hasil dari sini sahaja yang keluar barang buatan luar juga dibawa masuk ke sini menjadikan aktiviti ekonomi meningkat. Maka berkembanglah bandar di tepi sempadan seperti Padang Besar di Perlis, Changloon dan Baling di Kedah, Keroh dan Gerik di Hulu Perak. Akhirnya di Jeli dan Batu Melintang di Kelantan. Demikian juga di seberang Siam seperti Danok di sempadan Kedah, Betong di sempadan Perak dan Weng di sempadan Kelantan. Bandar-bandar ini telah menjadi kawasan pengumpul hasil sekeliling sebelum dibawa ke Pelabuhan berhampiran di Pulau Pinang mahupun Singapura.

Kesimpulannya, British telah berjaya mengamalkan diplomasi bermuslihat antara satu sama lain lebih-lebih lagi dengan Raja-Raja Melayu demi kepentingan masing-masing. Kegagalan mereka dengan Siam kerana Siam lebih diperlukan. Inilah yang telah memusnahkan keunggulan negeri Melayu, kerajaan, rakyat, hasil dan jalan perhubungannya apabila wujud sempadan mengikut konsep persempadan Barat. Garis sempadan darat yang

sepanjang 352 batu (566 kilometer) dari Batu Putih, di Kuala Perlis, pantai barat sehingga ke Kuala Golok, Tabai di pantai timur telah menjadi garis pemisah dua buah negeri serumpun secara kekal. Maka wujudlah penduduk Melayu bersaudara di persempadanan kepada dua kerakyatan: **Melayu-Siam**, walaupun pada hakikatnya mereka ialah **Melayu-Melayu**.